

Falsafah Eksistensialisme dan Status Agama

IDRIS ZAKARIA

ABSTRAK

Eksistensialisme adalah aliran falsafah kontemporari yang terakhir. Antara persoalan asas dalam aliran ini ialah: 'Apakah makna kehidupan manusia?' 'Apakah yang manusia boleh lakukan dari kewujudannya?' Apakah tujuan di sebalik perilaku manusia? Salah seorang tokohnya Soren Kierkegaard melalui buku-bukunya cuba menyatakan tentang imej kehidupan manusia yang menurutnya kabur menakutkan dan tidak ada makna. Tokoh-tokoh aliran ini seterusnya mengembangkan hujah-hujah berdasarkan pandangan Soren mengenai kewujudan manusia. Kepada pendukung kumpulan ini manusia mempunyai kedudukan yang kuat untuk membentuk kehidupan mereka dan bukan Tuhan.

ABSTRACT

Existentialism is the last type of contemporary philosophy. Some of the central questions are: 'What is the meaning of human's life?', 'In what sense can people make out of human existence?', 'what is the purpose of human events?' Soren Kierkegaard attempted in his literary works to reveal an image of human life as anguished and absurd, harrowing and meaningless. Existentialists develop arguments on the basis of their views of human existence. For them, human being has strong position in formulating their life not God.

PENDAHULUAN

Eksistensialisme adalah salah satu aliran dalam falsafah moden barat. Ia mula dikenali pada abad kesembilan belas dan pengaruhnya berkembang sehingga selepas perang dunia kedua. Walaupun ia adalah salah satu aliran falsafah moden tetapi pada dasarnya aliran ini sedikit sebanyak ada mengambil unsur-unsur tertentu dari falsafah Greek dan lain-lain dalam susur-galur falsafah barat. Tabii berfikir kumpulan ini adalah berdasarkan apa yang dapat dilihat di alam nyata – alam yang wujud dan. Tuhan (sebagai suatu yang tidak nampak dilihat dengan mata kasar) pada mereka ‘sudah mati’ seperti yang dideklarasikan oleh seorang tokoh mereka Friedrich Wilhelm Nietzsche (1844-1900) (Fuad Hassan 1976: 44).

Leslie Stevenson dalam bukunya *Seven Theories of Human Nature* (1974) dalam Bab 7 ‘Sartre: Existentialism Atheis’ menyebut bahawa sebilangan besar

para penulis, ahli falsafah dan ahli teologi telah diberi julukan ‘eksistensialis’ Terdapat tiga bidang minat dan tumpuan yang asas bagi kumpulan eksistensialisme ini. Pertama, minat terhadap manusia individu, bukannya teori-teori umum tentang manusia. Teori umum dianggap telah mengabaikan aspek yang paling penting tentang tiap satu individu itu sendiri. Kedua, terdapat minat terhadap makna atau tujuan hidup manusia, bukannya terhadap hakikat sains atau metafizik tentang alam semesta. Oleh itu pengalaman subjektif dianggap lebih penting daripada hakikat objektif. Ketiga, terdapat minat terhadap kebebasan individu sebagai ciri kemanusiaannya yang paling penting dan istimewa. Mereka tidak berminat mengkaji persoalan-persoalan metafizik hingga kepada masalah-masalah ketuhanan seperti yang dibuat oleh St. Angustine atau St. Thomas Aquinas.

Berdasarkan kepada asas-asas di atas para eksistensialis merasa yakin tentang kemampuan setiap orang untuk menentukan sendiri sikap, tujuan, nilai dan cara hidupnya masing-masing. Dan mereka tidaklah sekadar berminat untuk mempertahankan hal tersebut sebagai kebenaran, bahkan mendorong tiap orang supaya bertindak untuk mencapainya. Menurut pandangan mereka, satu-satunya cara hidup yang tulen dan benar ialah cara yang ditentukan sendiri oleh masing-masing individu. Oleh itu, ketiga-tiga minat yang disebutkan di atas itu adalah aspek-aspek dari satu tema yang asas. Berbezanya mereka ialah dari sudut cara mengutarakannya iaitu ada dalam bentuk karya sastera seperti novel dan ada pula dalam bentuk drama dan sebagainya. Pengajian bidang-bidang falsafah dan kesusasteraan terutamanya di pusat-pusat pengajian tinggi, sering menganalisa pemikiran mereka.

PENGERTIAN EKSISTENSIALISME

Dari sudut istilahnya kata dasar eksistensi (existence) ialah exist yang berasal dari kata Latin ‘ex’) yang bererti keluar dan ‘sistere’ yang bererti berdiri. Jadi eksistensi adalah berdiri dan keluar dari diri sendiri. Dalam bahasa Jerman ia disebut ‘dasein’ ‘da’ bererti di sana, ‘sein’ bererti berada. Berada bagi manusia bererti di sana, di tempat (Ahmad Tafsir 1994: 191).

Menurut etimologi ‘eks’ bererti (ke) luar, ‘sistensi’ menempatkan atau berdiri. Oleh itu maksud eksistensi ialah cara manusia berada di dunia ini. Cara ini pula hanya khusus bagi manusia. Jadi eksistensi tidak sama dengan ‘berada’, kerana ‘ada’ itu semata-mata dari manusia atau cara manusia berada sahaja, bukan dari benda-benda lain (Drijakara 1966: 57).

Falsafah eksistensialisme adalah falsafah yang memandang segalanya bermula dari existence tadi. Penekanan yang dibuat ialah situasi di dunia ini ditentukan oleh manusia. Hanya manusia yang berhak memilih perbuatannya, melakukan tindak balas dan menyelenggarakan kehidupan. Dengan kata lain

manusia adalah dirinya sendiri dan dia mengalami kehidupannya sendiri sebagai peribadi.

Merujuk kepada pengertian ‘tempat’ dan ‘berada’ di atas, lazimnya apa yang kita fahami dan alami sendiri ialah bahawa setiap manusia sudah tentulah mempunyai tempat dan tahu tempat itu. Namun tempat dalam konteks hidup manusia tidak boleh disamakan dengan tempat bagi benda-benda lain umpama batu atau kayu, justeru tempat bagi manusia tidak statik dan berubah-ubah. Manusia juga adalah makhluk aktif. Ini menjadikannya sentiasa bergerak dan melakukan perubahan. Jadi, dengan ‘keluar dari dirinya sendiri’, manusia sedar tentang hakikat dirinya sendiri (Ahmad Tafsir 1994: 191). Ini telah menunjukkan kepada kita bahawa manusia itu wujud bersama dengan alam ini.

Eksistensialisme ialah falsafah atau aliran pemikiran yang bergerak untuk mencabar perhatian dan keadaan manusia. *Theistics existentialism* ini telah dipelopori oleh Soren Kierkegaard dan atheistic existentialism pula dimulai oleh Friedrich Wilhelm Nietzsche (Reese 1980: 163-164).

Eksistensialisme sebenarnya adalah satu perkara yang sukar untuk didefinisikan. Pada zaman dahulu ia merupakan satu watak utama yang telah dikaji oleh Pascal, St. Augustine dan Socrates. Dua orang penulis iaitu Miguel de Unamuno dan Norman Mailer mengatakan bahawa existentialists seolah-olah tidak setuju dengan salah satu daripada perkara utama yang menjadi bahan berfikir golongan ini. Ini juga diakui oleh Prof. Dr. Fuad (1976) Hassan dalam kata pengantar untuk bukunya *Berkenalan Dengan Eksistensialisme*.

Eksistensi kalau dilihat dalam bahasa klasik bererti ‘keberadaan’ ataupun cara berada manusia. Ia adalah suatu pemakaian kata yang berasal dari Kierkegaard iaitu salah seorang tokoh utama aliran ini. Eksistensialisme seperti yang disentuh di atas adalah suatu yang sukar untuk ditakrifkan maknanya. Ia meliputi satu jangka waktu yang selalunya tidak memperakui mengenai kewujudan. Menurut Simone de Beauvoir (1968: 45-46).... Kami telah memberi gelaran dan membayangkan watak seseorang yang biasa atau dikenali, ia kepunyaan dirinya (Craib 1976).

Teori eksistensialisme ini mengatakan bahawa ‘wujud’ itu ‘maujud’, ia memerlukan ‘sebab’ Keperluan kepada ‘sebab’ itu adalah essential bagi wujud, kerana “sebab” itu adalah misteri yang tersembunyi dalam kemaujudan wujud (Mufid 1994: 217).

SEJARAH KELAHIRAN FALSAFAH EKSISTENSIALISME

Sedikit sukar untuk menentukan di mana falsafah eksistensialisme ini bermula dan bila pula ia berakhirk. Ini adalah kerana idea-idea eksistensi boleh dikatakan terkandung dalam teori-teori para pemikir Rusia seperti: Leo Sjestow (1866-1938) dan Nicolai Berdjajev (1874-1948), begitu juga dalam teori-teori para pemikir Sepanyol seperti Miguel de Unamuno (1864-1936) dan Jose Ortega Gasset (1883-

1950). Namun begitu, para pemikir dari Jerman dan Perancis adalah penyumbang terbesar dan mempengaruhi perkembangan falsafah eksistensialisme ini. Sebagai contoh, pemikiran Karl Jasper (1883-1969), Martin Heidegger (1889-1976), Gabriel Marcel (1889-1973) berkembang sesudah perang dunia pertama. Manakala Jean Paul Sartre (1905-1980), Albert Camus (1913-1960), Maurice Merleau-Ponty (1908-1961), Simone de Beauvoire (1908-1986) berkembang sesudah perang dunia kedua.

Akan tetapi pada umumnya Soren Kierkegaardlah dianggap sebagai pelopor utama falsafah eksistensialisme, namun jelas juga bahawa falsafah fenomenologi Husserl, falsafah hidup Bergson dan metafizika moden juga menyumbang pengaruh yang besar. Pokok pemikiran dicurahkan kepada pemecahan yang konkrit terhadap persoalan mengenai erti ‘berada’ atau wujud. Menurut Kierkegaard, persoalan tentang ‘berada’ ini belum pernah dikemukakan dengan cara yang benar, kerana orang telah mengira, bahawa ia telah tahu tentang hal itu. Pada hal sebenarnya pengetahuan kita tentang ‘berada’ hingga kini hanya samar-samar saja (Harun 1995: 149-150).

Aliran Eksistensialisme ini pernah dirumuskan kepada tiga perkembangan:

1. Eksistensialisme Kristian di bawah pimpinan Kierkegaard.
2. Eksistensialisme yang mengingkari agama, pimpinan Martin Heidegger dan Jean Paul Sartre.
3. Eksistensialisme Kristian St. Thomas Aquinas, yang diperkenalkan oleh Jacquet Maritain dan dianggap satu-satunya eksistensialisme yang asli.

Kierkegaard banyak menyentuh masalah kefahaman dalam filsafatnya. Padanya adalah “sia-sia orang-orang yang ingin membuktikan adatidaknya tuhan. Usaha demikian itu adalah spekulasi yang menuju abstraksi belaka; suatu ikhtiar logis yang diarahkan sekadar mencari pengetahuan tentang tuhan. Pada hal jalan menuju tuhan tidak mungkin ditempuh melalui logika yang abstrak, melainkan harus didasarkan pada penghayatan subjektif. Kedekatan dengan tuhan adalah penghayatan eksistensial; tuhan sebagai kebenaran yang dihayati adalah subjektif. Adanya tuhan adalah kepercayaan dan kepercayaan terhadap tuhan tidak bisa melalui pengobjektifan” (Fuad 1976: 26).

Golongan kedua (golongan atheist), menganggap bahawa kewujudan tuhan hanyalah sebagai ancaman kepada kebebasan hak asasi manusia. Dengan itu, bagi mereka sebarang percubaan untuk membuktikan kewujudan tuhan hanyalah membuang masa (Eliada 1987: 222). St. Thomas Aquinas pula memberi penekanan kepada ciri ketuhanan. Akal digunakan sepenuhnya untuk mentafsirkan persoalan ketuhanan. Kewujudan tuhan sendiri pula telah dibuktikan dengan penggunaan akal fikiran. Aquinas percaya kepada kewujudan dan kuasa tuhan.

Ketiga-tiga aliran eksistensialisme ini membahaskan persoalan di sekitar manusia iaitu tentang wujud manusia serta sifat dan perbuatan manusia. Akal sahaja tidak mampu untuk menjelaskan hal-hal yang sukar difahami, yang telah berlaku di alam ini. Banyak perkara yang terpaksa dihadapi di dalam hidup ini,

hingga menimbulkan perasaan takut, sedih, bimbang dan sebagainya. Tetapi kumpulan ini sangat kuat berpegang kepada tafsiran pengalaman.

Pada kurun ke-20, Karl Jaspers telah memperkembangkan lagi bentuk falsafah eksistensialisme ini dengan memasukkan unsur-unsur sains ke dalamnya. Ini tidak pernah dilakukan oleh ahli falsafah eksistensialisme sebelumnya, tetapi menurut beliau, unsur-unsur keagamaan tidak ada bersangkutan paut dengan kewujudan individu. Sekiranya individu mengikut landasan agama, manusia tidak akan mempunyai kebebasan sepenuhnya, untuk manusia benar-benar wujud di dunia. Manusia perlu ada kebebasan penuh tanpa ada sekatan-sekatan seperti dalam agama. Ini bermakna agama bukan satu keperluan hidup. Eksistensialisme semasa yang wujud pada kurun ini adalah bercirikan atheisme. Mereka menolak eksistensialisme keagamaan yang diasaskan oleh Kierkegaard (Popkin & Aurum 1993: 366).

Falsafah eksistensialisme kebanyakannya dipelopori oleh ahli-ahli teologi. Justeru idea-idea Keirkegaard banyak digunakan dalam menyelesaikan beberapa soalan, walaupun pada awalnya tidak dikenali umum kecuali selepas kematiannya. Fahaman eksistensialisme tersebar ke seluruh Eropah dan dunia Barat.

LAHIRNYA FALSAFAH EKSISTENTIALISME

Falsafah eksistensialisme lahir disebabkan oleh beberapa fenomena yang berlaku pada abad ke-19. Pada ketika itu berbagai krisis kemanusiaan yang menyebabkan ahli-ahli falsafah cuba menoleh ke belakang mencari punca berlakunya krisis. Sebagai contohnya, manusia mempersoalkan tuhan, alam sekeliling dan diri manusia sendiri. Antara krisis tersebut ialah pandangan aliran materialisme terhadap manusia dan benda-benda lain yang wujud di dunia ini. Bagi aliran Materialisme mereka mengatakan bahawa semua benda di dunia adalah material dan sama sahaja. Oleh itu materialisme mengatakan manusia adalah sama seperti pokok dan batu, tetapi pada pandangan eksistensialisme wujud manusia tidak sama dengan wujudnya pokok ataupun batu.

Eksistensialisme menyatakan bahawa cara ‘berada’ manusia dan benda lain tidaklah sama. Manusia berada di dalam dunia, ia ‘mengalami beradanya’ di dunia itu, manusia menyedari dirinya berada di dunia. Manusia ‘menghadapi’ dunia, mengerti apa yang dihadapinya itu. Manusia tahu dan mengerti cara menggunakan pokok dan batu, dan salah satu di antaranya ialah ia mengerti bahawa hidupnya mempunyai erti (Ahmad Tafsir 1994: 192-193). Kenyataan ini jelas menunjukkan manusia adalah subjek dan perkara-perkara yang disedarinya adalah objek.

Selain daripada krisis tersebut, eksistensialisme juga lahir kerana adanya pandangan aliran falsafah idealisme yang bertentangan dengannya. Materialisme dan idealisme adalah dua aliran falsafah yang sangat ekstrim. Kedua-duanya mempunyai kebenaran tentang kemanusiaan tetapi kedua-duanya juga salah

dari segi menafsirkan fikiran manusia. Falsafah eksistentialisme mencari jalan keluar dari kedua-dua aliran falsafah tersebut.

Manusia berfikir dan mempunyai kesedaran tetapi aspek ini (berfikir, kesedaran) dilebih-lebihkan oleh Idealisme sehingga menjadi ‘seluruh’ manusia, bahkan dilebih-lebihkan lagi hingga tidak ada barang lain selain fikiran (Ahmad Tafsīr 1994: 193).

Aliran falsafah materialisme juga mengatakan manusia wujud dari segi jasmani dan sama dengan benda-benda lain yang terdapat di alam ini. Manakala ahli falsafah idealisme pula melihat manusia wujud sebagai fikiran semata-mata. Tahap pemikiran manusia diagung-agungkan seolah-olah diri manusia itu tidak wujud di alam nyata dan mereka menjelaskan bahawa fikiran itulah manusia. Kedua-dua pandangan ini memihak kepada satu-satu perkara dengan cara yang berlebihan. Bagi aliran eksistentialisme, manusia dan fikiran adalah dua perkara yang seimbang dan ada pada diri manusia.

Falsafah eksistentialisme juga lahir disebabkan oleh situasi politik dunia pada ketika itu. Keadaan di negara Eropah pada waktu itu tidak menentu dan setiap individu merasa takut terhadap ancaman perang. Kehadiran manusia sebagai pemimpin penuh dengan rahsia dan kepura-puraan yang berselindung di sebalik perkara yang sebenar. Nilai kemanusiaan pada waktu itu amat rendah sekali. Agama yang menjadi pendokong kepada manusia tidak dapat membantu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Jadi mereka skeptis terhadap tuhan dan keberkesanannya agama.

Mereka menafikan kebenaran dogma agama Kristian. Agama itu mengajar pengikut-pengikutnya supaya tunduk kepada apa yang dikatakan kehendak tuhan padahal manusia yang bermaruah, kata aliran ini, tidak seharusnya tunduk kepada sebarang kuasa yang lebih tinggi, dan juga gereja-gereja Kristian telah bersekutu dengan penzalim dan menolong musuh demokrasi menyangkal kebebasan dan terus menindas orang yang miskin (Russell 1993: 907). Demikian secara ringkas punca-punca timbulnya aliran ini. Dan ia jelas lahir dalam tamadun barat, tidak wujud dalam tamadun Islam.

FALSAFAH EKSISTENTIALISME DAN STATUS AGAMA

Eksistentialisme amat menentang falsafah tradisional serta segala bentuknya. Sebagaimana yang diketahui falsafah tradisional mengarah kepada perbahasan tentang wujud atau *study of being as being*, serta pengenalan kepada sebab bagi wujud tersebut. Sementara falsafah moden pula berkisar tentang ‘teori mengenal’ untuk mengetahui apa hakikat pengenalan itu, serta hubungan antara fikiran dan objek.

Dalam kedua-dua falsafah tersebut, persoalan wujud menjadi dualisme, yakni mengakui adanya dua perkara iaitu jasmani dan rohani. Kedua-dua perkara ini amat sukar untuk dipertemukan. Golongan ralisme menganggap ‘wujud’

perkara di luar fikiran. Golongan Idealisme pula telah meletakkan ‘wujud’ kepada kekuatan yang mengetahuinya. Dengan itu kata-kata ‘wujud’ (existence) yang dimaksudkan ialah wujud manusia yang nyata (A. Hanafi 1981: 88).

Sementara itu ahli-ahli falsafah eksistensialisme juga mengemukakan pandangan mereka tentang kehidupan di dunia. Mereka mengatakan kehidupan di dunia ini kadangkala kabur, sentiasa merasa tertekan, bimbang dan tak bermakna. Walau bagaimanapun manusia perlu mencari asas tertentu untuk menghadapi kehidupan di dunia ini. Apa yang perlu diketahui ialah manusia mempunyai kebebasan untuk memilih cara kehidupannya di dunia. Paling sukar bagi manusia ialah mencari panduan agama. Manusia perlu membuat pilihan dan harus menerima apa jua akibat dari pilihannya itu (Popkin 1993: 370).

Menurut eksistensialisme mereka membahaskan tentang kewujudan yang nyata di dalam kehidupan manusia sehari-hari. Kehidupan ini dikatakan sebagai sebahagian dari alam semesta, kerana berlakunya hubungan di antara sesama manusia. Aliran eksistensialisme memandang manusia sebagai makhluk yang hidup nyata, bergantung dengan situasi, masa, tempat dan suasana. Dengan demikian, manusia dianggap sebagai dasar dari kebenaran dan pengalaman hidup. Ini berlawanan dengan falsafah tradisional.

Tokoh eksistensialisme Soren Kierkegaard menolak cara pemikiran falsafah idealisme, di mana perbicaraannya adalah tentang wujud nyata mengikut hakikat. Sebaliknya eksistensialisme menyatakan ‘wujud manusia’ tanpa ‘hakikat’ atau ‘wujud manusia’ itulah yang mendahului ‘hakikat’, bukan sebaliknya. Manusia dilahirkan tanpa hakikat (*essence*), tetapi manusia adalah satu-satunya makhluk di mana ‘wujudnya’ terletak padanya kebebasan, sedangkan makhluk lain, perbuatannya dikuasai oleh hukum lain. Contohnya, pokok – kekuatannya pada bijinya. Oleh itu hakikat pokok itu telah mendahului wujudnya yang nyata.

Manusia tidak ada hakikat sebelum wujudnya. Oleh itu dia bebas membentuk hakikat. Eksistensialisme memandang kebebasan adalah sesuatu yang sangat penting. Oleh itu aliran falsafah ini mengandungi fakta kebebasan seperti benda, dalam sejarah falsafah telah ditunjukkan berbagai bentuk, dan telah diklasifikasikan sebagai manusia dan sistem, wujud dan mustahil, tabiat dan kepentingan memilih, pengalaman serta tabiat berkomunikasi (Edward 1967: 147).

Menurut eksistensialisme, keadaan manusia dapat dibahagikan kepada:

Pendekatan keagamaan Manusia tidak sempurna dan mempunyai kelemahan, seperti memiliki sifat ragu dan sebagainya. Untuk mengatasi kelemahan ini, manusia mengalah pandangan kepada tuhan untuk dapat petunjuk. Meskipun manusia bertanggungjawab terhadap tingkah lakunya, tetapi apa jua keputusannya bergantung kepada tuhan (Sakarian 1966: 167).

Daripada interpretasi ini, kepada kita bahawa aliran eksistensialisme amat mengagungkan kebebasan dalam hidup manusia, dan menganggap segala yang berlaku adalah hasil dari pilihan dan tindakan manusia semata-mata, tiada kaitan dengan kuasa luar serta tiada hubungan dengan Tuhan.

PERASAAN PUTUS ASA MENURUT EKSISTENTIALISME

Dalam menghadapi arus kehidupan di alam nyata ini, manusia biasanya akan menghadapi kesusaahan, kegelisahan dan kebingungan. Ini kerana matlamat akhir kehidupan manusia ialah kematian. Ahli falsafah eksistensialis memandang semua perkara ini dengan pandangan negatif. Akhirnya mereka membuat kesimpulan bahawa, hidup ini adalah hampa dan kosong, kerana segala usaha yang dilakukan akan berakhir dengan kemusnahan apabila berlaku kematian (Edward 1967: 152). Pemikiran ini menonjolkan sikap putus asa aliran ini.

EPISTIMOLOGI

Mengenai hubungan manusia dengan alam semesta pula, aliran falsafah eksistensialisme menganggap bahawa ilmu memang benar-benar wujud, dan wujudnya menjadi syarat setiap ilmu pengetahuan (A. Hanafi 1981: 91). Aliran eksistensialisme tidak mengakui peranan akal sebagai sumber penting ilmu pengetahuan. Mereka berpendapat ilmu pengetahuan datangnya dari pengalaman hidup manusia itu sendiri. Asas kepada pengalaman hidup ialah fikiran serta perasaan. Ada sesetengah ahli falsafah eksistensialisme berpendapat fikiran hanya berperanan sedikit sahaja dalam soal ilmu pengetahuan.

Soren Kierkegaard menolak pendapat yang hendak memfalsafahkan ajaran agama Kristian, agar ianya berjalan seiring dengan logik fikiran. Beliau juga tidak membenarkan pembuktian wujud tuhan berdasarkan alasan-alasan fikiran seperti yang dibuat oleh St. Thomas Aquinas. Aquinas menggunakan pendekatan rasional sewaktu berhujah tentang kewujudan tuhan, dan beliau percaya yang tuhan itu wujud.

Namun begitu cara pemikiran aliran eksistensialisme amat teliti dan mendalam terhadap setiap persoalan yang dibincangkan. Persoalan tentang ilmu, kebenaran dan kepastian, hubungan ilmu dengan kepercayaan kepada tuhan, kehidupan sengsara dan bahagia adalah sentiasa difikirkan. Perkara yang sama disebut oleh aliran falsafah yang lain, namun aliran eksistensialisme lebih berani dan mereka memberikan alasan yang mantap, sekurang-kurangnya sesuai untuk masyarakat Eropah.

TOKOH ALIRAN EKSISTENTIALISME

SOREN KIERKEGAARD (1813-1855)

Soren Kierkegaard adalah seorang pemikir dari Denmark yang dianggap pengasas aliran falsafah eksistensialisme. Ia dikatakan dibesarkan dalam sebuah kelaurga yang berjiwa keagamaan dan emosi yang dalam. Sewaktu di Universiti Copenhagen ia berminalat dengan falsafah Hegel, tetapi ia tidak setuju dan bertindak

menentangnya. Soren berpendapat bahawa pemikiran yang abstrak menghilangkan keperibadian manusia, oleh sebab ia hanya menekankan kepada pemikiran dan akal serta condong untuk tidak mengendahkan orang yang memikir, kepercayaan dan keyakinannya. Ia juga menentang Danish Lutheran Church dan usaha untuk menjadikan agama Kristian itu masuk akal. Soren selalu menulis tentang adanya jurang pemisah antara tuhan dan manusia, malah mempersoalkan beberapa tindakan tuhan berdasarkan apa yang berlaku pada manusia (Fuad Hassan 1976: 13-33).

Bapa Soren iaitu Michael Pedersen Kierkegaard mengalami beberapa peristiwa penting tetapi pahit dalam hidupnya, dan peristiwa-peristiwa itu memberi kesan psikologi yang sangat mendalam kepada Soren. Ada dua peristiwa utama dalam hidup MPK iaitu:

1. Peristiwa pertama berlaku ketika bapanya masih kecil. Kehidupannya dihimpit oleh kesusahan. Beliau berusaha bersungguh-sungguh bagi mengatasi kesempitan hidupnya. Tertekan oleh keadaan ini, bapanya mengadah ke langit dan menyatakan kemarhannya terhadap tuhan.
2. Peristiwa kedua berkaitan dengan perkahwinannya dengan isteri keduanya Anne Lund. Isteri ini memberikan tujuh orang anak kepadanya. Pada mulanya Anne bekerja sebagai pembantu kepada keluarga Kierkegaard. Michael telah bertindak memperisterikannya sebelum selesai masa berkabong kematian isteri pertama. Ini tidaklah sangat menghairankan. Apa yang lebih menghairankan lagi ialah Anne telah melahirkan anak pertama mereka hanya lima bulan selepas perkahwinan.

Menurut kisahnya kedua-dua persitiwa ini tidak dapat dilupakan oleh MPK. Dia sendiri merasa sungguh kesal dengan tindakan-tindakan itu. Peristiwa-peristiwa ini akhirnya diceritakan pula kepada Soren, juga berjaya meninggalkan kesan psikologi yang mendalam dalam fikirannya. Soren menganggap semua peristiwa itu pahit dan meninggalkan pengaruh kepadanya. Kemudian, hal ini turut diberitai lebih serius lagi apabila berlaku kematian bersiri saudara-saudaranya. Dua orang saudaranya, seorang lelaki dan seorang perempuan, meninggal ketika Soren masih kanak-kanak, kemudian disusuli oleh kematian saudara-saudara yang lain serta ibunya sendiri. Kakak perempuan pada September 1832, saudara lelaki September 1833, ibunya pada Julai 1834 dan pada Disember tahun 1834 itu juga kakaknya yang paling disayangi meninggal dunia. Jadi Soren sendiri menyaksikan siri kematian ahli keluarganya sendiri. Akhirnya yang tinggal ialah hanya dua orang sahaja iaitu Soren dan saudaranya Peter Christian (Fuad Hassan 1976: 13-19).

Soren menghubungkan semua peristiwa-peristiwa pahit itu dengan tindakan tuhan. Pada Soren, telah berlaku hukum tuhan kepada keluarganya. Sewaktu umur dewasa, bapa Soren, telah menceritakan rahsia dan sejarah hidupnya kepada Soren, bahawa ia pernah mengutuk tuhan dan pernah melakukan hubungan seks sebelum berkahwin dengan ibunya. Inilah yang membingungkan Soren.

Semua peristiwa itu mencengkam fikirannya dan ia tidak tenang. Soren mengambil jalan mudah untuk melupakannya dengan cara mabuk. Dia menjadi pemilum dan pemabuk. Soren meninggalkan agama sebab tuhan baginya sudah tidak bermakna lagi. Penderitaan bertambah lagi apabila guru yang sangat disayangnya meninggal dunia iaitu Professor Paul Martin Moller. Kemudian, selang beberapa waktu, Soren menghubungkan kembali dirinya dengan tuhan; “Christ came through locked doors”. Namun keriangan ini tidak berpanjangan sebab ayahnya pula meninggal dunia. Saat-saat murung ini dilalui dengan penuh ketabahan sehingga Julai 1840 beliau berjaya menyelesaikan pengajian teologinya. Beliau gembira menjadi seorang ahli teologi. Soren kembali murung apabila malu ditunangkan dengan gadis Regina Olsen justeru khuatir peristiwa-peristiwa pahit akan mendukacitakan Regina, apalagi ia sendiri telah terlibat dengan pelacur dan pertunangan diputuskan. Masyarakat mencemohnya, lalu pada 25 Oktober 1841, untuk menghilangkan penderitaannya dan cemohan masyarakat, Soren pindah ke Berlin dan melanjutkan pengajiannya dalam bidang falsafah. Namun corak berfikir bersifat kecewa dan putus asa dalam kontek hubungan ketuhanan dan manusia terus mempengaruhi fikirannya (Fuad Hassan 1976: 20-22).

FRIEDRICH WILHELM NIETZSCHE (1844-1900)

Nietzsche dilahirkan di Prussia, Jerman pada 1844. Beliau mendapat pendidikan di universiti-universiti di Bonn dan Leipzig. Kemahiran beliau ialah dalam bidang philologi dan sastera klasik. Nietzsche terkenal sebagai ahli falsafah dan penyair, selalu menyerang agama Kristian, demokrasi, gerakan wanita serta sosiolisme. Perhatian beliau lebih ditumpukan kepada unsur-unsur kekuatan dan kekuasaan. Setelah berkhidmat sebagai pensyarah sastera klasik di Universiti Basel, Swisszeland selama 10 tahun, ia berhenti kerana masalah kesihatan dan terus menumpukan kepada penulisan. Pada tahun 1889, ia mengalami gangguan fikiran (*mental breakdown*) yang akhirnya menamatkan hayatnya. Antara karya tulisan beliau yang terkenal ialah *The Birth of Tragedy*, *The Four Meditations*, *Thus Spoke Zarathustra*, *Beyond Good and Evil*, *Toward a Genealogy of Morals*. Selepas beliau meninggal diterbitkan karyanya *The Will to Power*

Nietzsche mengalami gangguan kepercayaan terhadap tuhan dan akhirnya sewaktu berusia 18 tahun beliau hilang kepercayaan terhadap tuhan. Penglibatannya dalam alam falsafah tambah mengukuhkan lagi keadaan ini. Sewaktu berusia 23 tahun beliau dilibatkan dalam kewajipan ketenteraan. Tetapi kewajipan ini diberhentikan apabila cedera akibat jauh dari kuda. Nietzsche menempuh pula alam akademik dengan menjadi pensyarah bidang filologi di Universiti Basel. Selain dari mengajar, beliau mengembara dari satu bandar ke bandar yang lain; Sils Maria, Nizza, Mentone, Rom, Turin, Henoa dan lain-lain. Di tempat itu beliau terus membaca dan menulis (Fuad Hassan 1976: 35-41).

Satu perkara yang dipelajari terutama ketika dalam ketenteraan ialah keberanian dan kekuatan yang katanya adalah dua sifat yang diperlukan. Dalam hidup ini,

orang yang kuatlah akan menang dan berjaya. Oleh itu kebijakan paling utama ialah “kekuatan” Malah maksud kebijakan itu sendiri ialah apa yang baik, dan yang baik itu haruslah kuat. Semua yang lemah adalah buruk dan salah.

Idea tentang kepentingan kekuatan ini mengingatkan kita terhadap Machiavelli (1467-1527) dan karyanya *The Prince*. Dalam falsafah Barat, ada kecenderungan membandingkan kedua tokoh ini, walaupun terdapat perbezaan antara keduanya. Machiavelli berkata Bertrand Russell aktif dalam hal-hal awam dan pendapatnya dibentuk berdasarkan pengalamannya dalam hal ehwal awam itu. Beliau tidak sangat mementingkan pengetahuan atau pun sistem. Falsafah politiknya juga tidak menyeluruh, tidak tegas dan tidak mudah untuk difahami. Sebaliknya Nietzsche pula seorang professor, banyak menghabiskan masa membaca dan menulis. Beliau juga adalah seorang ahli falsafah yang membangkang aliran-aliran politik dan etika di zamannya. Namun kata Russell (1961) persamaan mereka lebih mendalam. Falsafah politik Nietzsche setanding dengan *The Prince* (bukan *The Discourses*), tetapi bidangnya didapati lebih luas lagi. Kedua-dua tokoh ini sangat mementingkan kuasa dan kekuatan serta anti Kristian. Caesar Borgia bagi Machiavelli samalah dengan Napoleon bagi Nietzsche. Seorang yang agung dan kuat.

Jadi apa yang harus dilahirkan kata Nietzsche ialah manusia agung, *Ueber-Mensch, Superman*, iaitu manusia perkasa yang boleh mengalahkan manusia-manusia lemah. Di sinilah kata Nietzsche terletak masalahnya iaitu bagaimana caranya untuk melahirkan manusia-manusia kuat, perkasa dan berani. Sistem pendidikan khusus diperlukan untuk mereka yang memiliki sifat-sifat di atas. Hanya manusia-manusia yang agung sahaja yang mampu memimpin massa dan memenangi peperangan. Manusia-manusia lemah adalah sesuai dengan dasar dan sistem demokrasi. Sistem ini tidak mampu menjamin perdamaian antarabangsa. Perdamaian hanya boleh dicapai jika orang atau bangsa yang lemah menerima orang atau bangsa yang kuat untuk memimpin. Pandangan ini tidak sama dengan teori Plato yang menekankan manusia rasional-ahli falsafah.

Nietzsche juga tidak pernah jemu mencaci wanita. Dalam bukunya *Thus Spoke Zarathustra*, beliau menyebut bahawa wanita belum lagi berkeupayaan menjalin persahabatan, mereka itu masih lagi macam kucing atau burung atau sebaik-baiknya lembu. “Lelaki harus dilatih bagi peperangan dan wanita untuk permainan menyenangkan panglima itu yang lain bodoh belaka. Hiburan panglima itu pula amat pelik sekali kalau kita mahu mempercayai bidalannya yang tegas mengenai hal ini: “Kamu pergi berjumpa wanita? Jangan lupa cemetimu” Dalam *Beyond Good and Evil* beliau berkata bahawa kita patut memikirkan wanita seperti harta benda (Russell 1961).

Nietzsche menolak agama Kristian kerana katanya menggalakkan kesusilaan abadi. Beliau juga menafikan kebenaran dogma agama itu. Manusia menurutnya tidak perlu tunduk kepada sebarang kuasa yang dikatakan tinggi seperti tuhan justeru manusia sudah tinggi dan bermaruah. Agama timbul oleh akibat dan kesan sosial sama seperti teori Karl Marx. Taat pada manusia agung lebih perlu

dari tuhan Kristian. Gereja juga tidak boleh dipercayai, kerana mereka juga zalim. Agama Kristian adalah penipu.

Nietzsche yang bencikan Kristian mahukan orang mulia menggantikan orang-orang mulia Kristian. Orang mulia Nietzsche adalah bangsawan-bangsawan yang memerintah. Orang ini mampu membuat kezaliman, memimpin orang yang setaraf dan yang rendah darinya, mengamalkan disiplin yang keras, bersikap keras hati dan sedia mengganas demi untuk mencapai kepentingan golongan yang kuat. Konsep kasih sayang yang diajar oleh Kristian dan Buddha adalah palsu. Tuhan katanya telah mati, dan dengan kematian itu terbukalah kesempatan bagi manusia untuk menjulangkannya setinggi-tinggi iaitu sebagai pencipta. Dan manusia baru yang perkasa itu menjadi agung apabila ia sanggup menerima teorinya itu “tuhan telah mati” Manusia sememangnya bersih dari apa-apa dosa tidak seperti yang diajarkan oleh Kristian, iaitu manusia menderita akibat hidup dalam penderitaan dosa. Faham ini boleh merosakkan kehidupan manusia. Oleh itu, manusia perlu bebas dari kongkongan agama dan tuhan, sebaliknya bekerja keras untuk membina kehidupan sendiri.

KESIMPULAN

Falsafah eksistensialisme ialah suatu bidang kajian yang meliputi kewujudan manusia dan sifat-sifat yang dimiliki oleh manusia khususnya dari segi pemikiran dan perasaan dalaman. Ia juga memperkatakan mengenai kemanusiaan yang berhubung dengan agama dan kebebasan individu.

Soren Kierkegaard dan Nietzsche adalah antara dua orang pendokong eksistensialisme yang sama-sama mengkritik agama Kristian yang menurut mereka telah melakukan penyelewengan terhadap masyarakat pada ketika itu. Mereka telah membuat kenyataan yang mengejutkan kepada golongan pembaca tradisional agar berfikir seterusnya bertindak ke atas pihak gereja. Aliran pemikiran eksistensialisme ini adalah satu lagi cabang falsafah yang berkembang sejak abad 19 hingga kini, dan ia mempunyai pengaruhnya yang tersendiri terutama sekali dalam kehidupan dan tradisi intelektual setidak-tidaknya di Eropah. Ia juga turut menyumbang kepada pembentukan senario berfikir sekular bagi masyarakat Amerika dan Eropah yang kesannya dapat dilihat hingga kini. Falsafah Islam dan umat Islam tidak menghadapi citra berfikir seperti ini. Agama dan Tuhan mendapat tempat yang utama dalam sistem kepercayaan dan kehidupan umat Islam.

RUJUKAN

- A. Hanafi. 1981. *Ikhtisar Sejarah Falsafah Barat*. Jakarta: Pustaka al-Husna.
- Ahmad Tafsir. 1994. *Filsafat Umum*. Bandung: Pt. Remaja Rosdakarya.
- Craig, Ian. 1976. *Existentialism and Sociology*. Great Britain: Cambridge University Press.

- Eliada, Mircea. 1987. *The Encyclopedia of Religion*. New York: Mac Millan Publishing Co.
- Edwaed, Paul. 1967. *The Encyclopedia of Philosophy*. New York: The Macmillan Company and the Free Press.
- Fuad Hassan. 1976. *Berkenalan dengan Eksistensialisme*. Indonesia: Pustaka Jaya.
- Harun Hadiwijono. 1995. *Sari Sejarah Filsafat Barat I*. Yogyakarta: Kanisius.
- Hassan Shadily. 1980. *Eksiklopedia Indonesia*. Jakarta: Ikhtiar Baru.
- Mohd. Nur Mufid (Terj.). 1994. *Falsafatuna*. Bandung: Penerbit Mizan.
- N. Drijarkara, S. J. 1966. *Percikan Falsafah*. Jakarta: P.T. Pembangunan Jakarta.
- Popkin, Richard & Aurum Stroil. 1993. *Philosophy*. Third Edition. E.B. Ashton. Chicago & London: The University of Chicago Press.
- Reese, L. William. 1980. *Dictionary of Philosophy and Religion*. New Jersey: Humanities Press.
- Russell, Bertrand. 1961. *History of Western Philosophy*. London: George Allen & Unwin Ltd., juga tulis terjemahan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993. Kuala Lumpur.
- Sakarian, William & Mabel Lewis. 1966. *Ideas of the Great Philosophy*. USA. Row Publisher.

Jabatan Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan

